From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 27 April, 2022 12:37:39 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'Graduan Ramadan' Tanda Kejayaan

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 APRIL 2022 / 25 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Omar Ibrahim
Gambar oleh: SAPSP

'GRADUAN RAMADAN' TANDA KEJAYAAN



UUM ONLINE: "Tujuan berpuasa ialah untuk menjadikan kita insan yang bertaqwa dan jika kita berjaya, maka kita adalah graduan Ramadan," begitulah pesanan Ustaz Abdul Ghani Abdullah ketika menyampaikan tazkirah kepada warga Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Soisal (SAPSP) sempena Majlis Iftar di EDC-UUM, baru-baru ini.

Ujarnya, antara tanda insan bertakwa ialah takutkan Allah, mematuhi segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya, sentiasa mengingati mati dan reda terhadap ketentuan yang telah ditetapkan Ilahi.

Sementara itu, Dekan SAPSP, Prof. Madya Dr. Md Zawawi Abu Bakar berkata, majlis tersebut diadakan bagi mengeratkan hubungan antara staf di samping memberi peluang untuk mengenali ahli keluarga mereka dengan lebih dekat lagi.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pasangan yang hadir kerana memberi kepercayaan dan memahami bebas tugas pasangan masing-masing yang sentiasa sibuk.

Pada majlis tersebut, Md Zawawi turut memberi sumbangan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir ke majlis tersebut serta acara memotong kek bagi meraikan hari lahir staf SAPSP.

Pengerusi Kelab SOSUKE, SAPSP, Dr. Norazlina Zakaria dalam ucapan aluannya berharap sumbangan yang diberikan oleh kelab tersebut dapat membantu SAPSP menjalankan aktiviti dan program sempena bulan puasa pada tahun ini.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.